



E2E lebih selamat, pacu agenda kerajaan digital mampan

SPONSORED CONTENT

Oleh **Muhamad Shaifullah Tayep** - Oktober 2, 2020 @ 7:20pm



Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali memberi jaminan kerajaan sedang memperhebat inisiatif E2E. - FOTO Pejabat Ketua Setiausaha Negara

KUALA LUMPUR: Malaysia menduduki tempat ke-47 pada tahun ini dalam usaha pendigitalan dan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan kerajaan, menurut Indeks Pembangunan e-Kerajaan (EGDI).

Kedudukan ini menunjukkan, terdapat banyak ruang dalam pendigitalan dan penambahbaikan perkhidmatan kerajaan boleh ditambahbaik melalui pengenalpastian keperluan dan memperkemas semula perkhidmatan disediakan; dengan memahami struktur, fungsi, perkhidmatan, proses kerja, data digunakan serta aplikasi dan teknologi yang menyokong perkhidmatan organisasi.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

DISYORKAN

1h SAM gesa siasat tapak pelupusan haram di Ulu Chepor

1h Cubaan seludup lebih 6 juta rokok putih gagal

1h NUBE gesa bantuan kewangan untuk pekerja terkesan TEMCO

1h Simpanan ikan di Laut Timur jatuh mendadak

1h Pemilik resort didenda, benarkan PATI tinggal di premis

1h Dasar fintech Malaysia sedia dikaji semula

1h Penipuan jenayah siber: Kerugian RM400 juta direkodkan tahun ini

1h Kapal Indonesia bawa 12 penumpang terputus hubungan

2h Ketua Setiausaha Negara kuarantin sendiri

TRENDING



KES sejam yang lepas

Wanita rugi lebih RM100,000 ditipu Macau Scam



KES sejam yang lepas

Suspek bunuh wanita, sumbat dalam beg ditangkap

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkhidmatan digital sektor awam yang sudah mencapai tahap dunia, hasil inisiatif Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) melalui agensinya, CyberSecurity Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sehingga mendapat pengiktirafan daripada World Summit on the Information Society (WSIS) 2020.

Kerajaan digital mampan

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata kerajaan sedang membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) bagi tahun 2021 hingga 2025 yang akan menjadi dasar utama bagi pendigitalan sektor awam.

Ia menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan sektor awam untuk tempoh lima tahun yang akan menjadi panduan kepada agensi sektor awam bagi memacu agenda kerajaan digital mampan ke arah membentuk masyarakat digital. Walau bagaimanapun, dasar sahaja tidak mencukupi tanpa komitmen semua kementerian dan agensi sektor awam yang perlu sentiasa bersedia untuk berubah.

Ini termasuklah, dalam aspek kepimpinan jabatan yang sentiasa menyokong inisiatif pendigitalan, keinginan penjawat awam sendiri untuk meningkatkan kemahiran digital dan pembudayaan dalaman organisasi.

"Kerajaan melalui MAMPU bertanggungjawab bagi memastikan usaha pendigitalan sektor awam ini berjaya selaku agensi pusat dalam pemodenan perkhidmatan awam dengan penubuhan Taskforce supaya sinergi dan momentum pendigitalan mencapai sasaran yang ditetapkan.

"Sasaran kerajaan bagi keseluruhan perkhidmatan sektor awam adalah sebanyak 40 peratus perkhidmatan End-to-End (E2E) menjelang hujung tahun ini, berbanding 20.2 peratus pada tahun 2019.



4 jam yang lepas

2 pegawai polis ditahan SPRM disyaki berkaitan kes ubah wang haram



KORPORAT

sehari yang lepas

Top Glove bayar balik pekerja asing RM136 juta

Namun jika dilihat di peringkat agensi persekutuan, peratus penggunaan E2E adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 52.7 peratus," katanya ketika temubual bersama BH Online, baru-baru ini.

Rakyat tidak perlu risau




FOTO Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

Mohd Zuki berkata, pada masa sama, kerajaan sedang memperhebat inisiatif E2E dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melalui projek rintis dengan memberi tumpuan kepada peningkatan perkhidmatan E2E serta penggunaannya, pemantapan proses kerja dan pengurangan perkhidmatan di kaunter.

Biarpun masih terdapat pelanggan yang lebih selesa berurusan di kaunter, Mohd Zuki memberi jaminan rakyat tidak perlu risau kerana semua perkhidmatan yang diperlukan oleh mereka masih dapat dipenuhi dengan kemampuan teknologi masa kini.

"Sebagai contoh, Pusat Panggilan Kerajaan Malaysia (MyGCC) mengaplikasikan teknologi Artificial Intelligence (AI) melalui chatbot untuk menjawab pertanyaan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh agensi kerajaan.

Kerajaan sedar akan risiko dan sudah mengambil kira bagi memastikan keselamatan dan privasi data pengguna dengan membangunkan infrastruktur seperti **MyGovCloud@PDSA** yang berfungsi sebagai pengkomputeran awan kerajaan secara berpusat dan **MyGov*Net** yang berperanan sebagai infrastruktur rangkaian telekomunikasi," katanya.